



No. Rujukan : UCAM/JHEA/UPRP/KONVO21
Tarikh : 30 Mei 2025

Kepada :



**Para Graduan
Majlis Konvokesyen Ke-21
Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM)**

Para Graduan yang dihormati,

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN KE-21 KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA (UCAM)

Dengan segala hormatnya, pihak pengurusan dan seluruh warga Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan atas kejayaan menamatkan pengajian di UCAM.

2. Kejayaan para graduan dalam memperoleh Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Diploma, Program Eksekutif atau Sijil Kemahiran Malaysia merupakan pencapaian yang amat membanggakan dan mencerminkan ketekunan serta dedikasi sepanjang tempoh pengajian. Gunakanlah ilmu serta kemahiran yang diperoleh sebagai bekalan untuk menyumbang kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

3. Sebagai tanda penghargaan dan meraikan detik bermakna ini, pengurusan UCAM akan menganjurkan Majlis Konvokesyen Ke-21 yang akan disempurnakan oleh YAB. Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) seperti butiran berikut :

Majlis Konvokesyen UCAM Ke-21

Tarikh : 14 Ogos 2025 (Khamis)
Masa : 1.30 tengah hari

Raptai Rasmi Konvokesyen


Tarikh : 13 Ogos 2025 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi
**Tempat : Dewan Tuanku Canselor,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan**

4. Maklumat lanjut berkenaan majlis ini boleh dirujuk dalam Panduan Konvokesyen yang disertakan bersama surat ini. Para Graduan dimohon untuk meneliti panduan tersebut bagi memastikan kelancaran majlis.

5. Sehubungan itu sekali lagi dengan penuh rasa hormat dan sukacita, kami menjemput serta mengalu-alukan kehadiran Para Graduan bersama ibu bapa atau keluarga tercinta ke majlis gilang-gemilang ini. Semoga kehadiran anda akan menyemarakkan lagi suasana dan menjadi kenangan yang tidak ternilai dalam hidup anda sekeluarga.

Sekian, terima kasih

"MEMBENTUK TUNAS CEMERLANG"


(Ts. DR.ROSSLY BIN SALLEH)
Rektor
Kolej Universiti Agrosains Malaysia